



Pasaran saham akan kembali rancak - Penganalisis veteran

Oleh [Mahanum Abdul Aziz](#) - Oktober 25, 2023 @ 7:16pm

mahanum_aziz@bh.com.my



Penganalisis veteran pasaran saham dan Pengarah Urusan, Capital Dynamic Bhd, Tan Teng Boo. -
NSTP/GENES GULITAH

KUALA LUMPUR: Pasaran saham tempatan dijangka kembali rancak tidak lama lagi susulan prospek yang lebih cerah disokong situasi politik yang stabil meskipun masih berdepan persekitaran mencabar, demikian kata pakar pasaran saham veteran.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Capital Dynamics Sdn Bhd dan Individu yang dilantik untuk iCapital.biz Bhd (ICAP), Tan Teng Boo, optimis dengan peluang pasaran saham Malaysia untuk berprestasi lebih baik daripada apa yang telah dicatatkan pada masa lalu.

Beliau, yang mempunyai pengalaman lebih lima dekad dalam pelaburan berkata, Bursa Malaysia telah menyaksikan banyak kenaikan pasaran jangka pendek, tetapi hanya segelintir pelabur yang mengetahui bahawa Bursa Malaysia hanya mempunyai satu keadaan peningkatan pasaran yang mapan dari 1974 hingga 1981.

Katanya, ekonomi dan politik Malaysia kini secara beransur-ansur telah berubah memandangkan pengaruh negatif daripada kepimpinan politik yang lama tidak lagi berpanjangan.

Jelasnya, di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Malaysia telah melakukan perkara yang betul dengan kekal berkecuali dalam peningkatan persaingan Amerika Syarikat (AS)-China.

Malah, tambahnya, dengan pelaksanaan dasar yang betul, prestasi mampan yang dicatatkan dalam tempoh 1974 hingga 1981 mampu digapai semula.

"Saya adalah satu-satunya pengurus dana yang masih hidup di Malaysia yang mengalami pasaran kenaikan harga sebenar ini.

"Buat pertama kali dalam beberapa tahun, saya menjadi lebih optimistik mengenai masa depan pasaran ekuiti Malaysia.

"Kini ada sebab untuk membeli saham Malaysia bagi jangka panjang walaupun kita masih menghadapi banyak cabaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat media mengenai prestasi Bursa Malaysia dan bagaimana pelabur menjana untung meskipun dalam keadaan pasaran tidak menentu.

Mengenai impak ketidaktentuan pasaran yang dicetuskan oleh kenaikan kadar faedah AS dan potensi kemelesetan ekonomi AS, Teng Boo berkata, Malaysia berupaya untuk menangani impak ketidaktentuan yang dicetuskan ekonomi utama dunia itu memandangkan ekonomi Malaysia mempunyai asas yang kukuh.

Malah, katanya, dengan mempunyai lebihan akaun semasa yang utuh juga akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang lebih baik untuk berdepan krisis berbanding ketika Krisis Kewangan Asia 1997/1998.

Katanya, apa yang penting kini adalah kerajaan perlu memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mempersiapkan bakat di negara ini bagi memenuhi permintaan pasaran.

Mengenai prestasi ringgit, Teng Boo berkata, nilai ringgit yang lemah ketika ini adalah disebabkan oleh pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS).

Beliau berkata, jika keadaan kembali stabil, ringgit berpotensi untuk mengukuh dengan lebih baik.

Sementara itu, mengenai ICAP, satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, Teng Boo berkata, pihaknya memperkenalkan dasar dividen inovatif secara proaktif untuk mengurangkan perbezaan antara harga saham ICAP dan nilai aset bersih (NAB) dan mungkin mampu membawa harga sahamnya kembali diniagakan pada premium, seperti yang dilakukannya semasa tiga tahun pertama ICAP sebagai syarikat tersenarai.

Selain itu, beliau berkata, ICAP juga memperkenalkan dasar pelaburan semula dividen (DRP), yang adalah satu skim yang membolehkan pemegang saham memilih untuk melabur semula dividen mereka dalam saham ICAP yang baharu tanpa perlu membayar kos transaksi yang besar.